



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Peningkatan 7 kali ganda di dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM3.25 Bilion di dalam hanya 4 bulan, dari RM450 Juta di dalam Akaun Hasil Disatukan pada 30 April 2018 kepada RM3.7 Bilion pada 31 Ogos 2018, bukti pengurusan kewangan yang baik oleh Kerajaan Pakatan Harapan

Sebagai sebuah kerajaan yang komited terhadap prinsip pendedahan penuh (*full disclosure*), Kementerian Kewangan menegaskan sekali lagi bahawa hanya RM450 Juta yang ditinggalkan di dalam Akaun Hasil Disatukan ketika Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Persekutuan pada 9 Mei 2018. Ada yang mempersoalkan sama ada angka-angka ini benar walaupun ia didedah dan disahkan oleh Akauntan Negara Datuk Saat Esa. Ada yang bertanya bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan mampu terus membayar gaji dan pencen bulanan berjumlah RM8 Bilion dengan hanya RM450 Juta.

Pemerosotan mendadak sebanyak RM11.41 Bilion atau 96% di dalam Akaun Hasil Disatukan dalam tempoh empat bulan dari 31 Disember 2017 ke 30 April 2018 dijelaskan di bawah:

Bulan	Hasil (RM 'Bilion)	Perbelanjaan Mengurus (RM' Bilion)	Defisit di dalam Baki Akaun Semasa (RM' Bilion)	Baki Penutup Akaun Hasil Disatukan (RM' Bilion)
	A	B	A-B	
31 Disember 2017				11.86
31 Januari 2018	18.89	(25.02)	(6.13)	5.73
28 Februari 2018	11.46	(11.85)	(0.39)	5.34
31 Mac 2018	22.62	(24.05)	(1.43)	3.91
30 April 2018	18.91	(22.37)	(3.46)	0.45
	71.88	(83.29)	(11.41)	

Hanya wang dalam Akaun Hasil Disatukan dibenarkan untuk perbelanjaan kerajaan. Jadual di atas menunjukkan penyusutan dari bulan ke bulan di dalam Akaun Hasil Disatukan akibat perbelanjaan boros menjelang Pilihanraya Umum.

Di dalam empat bulan dari Januari ke April 2018, Hasil yang dikutip di dalam tempoh tersebut ialah RM71.88 Bilion berbanding Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM83.29 Bilion, yang membawa kepada defisit RM11.41 Bilion di dalam baki akaun semasa.

Defisit RM11.41 Bilion ini merupakan sebab mengapa Akaun Hasil Disatukan, yang di awal tahun fiskal mempunyai RM11.86 Bilion, hanya berbaki RM450 Juta di penghujung April 2018.

Oleh kerana kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan yang genting ketika Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan pada 9 Mei 2018, kami tidak ada pilihan lain selain mengenakan tindakan-tindakan tegas untuk mengawal perbelanjaan pengurusan dan pembiayaan kos secara hemat. Selebihnya, pemerintahan Pakatan Harapan secara Cekap, Akauntabiliti, dan Telus (CAT) telah memberi bukan sahaja penjimatan dari penghapusan amalan-amalan korup, tetapi juga pulangan kecekapan (*efficiency gains*) hasil usaha-usaha reformasi institusi seperti tender terbuka yang kompetitif.

Amalan pengurusan kewangan Kerajaan Pakatan Harapan yang baik dan berhemat telah menghasilkan lebih sebanyak RM3.25 Bilion di dalam Baki Akaun Semasa di dalam tempoh empat bulan dari Mei ke Ogos 2018. Berikut merupakan analisa lebih baki akaun semasa:

Bulan	Hasil (RM' Bilion)	Perbelanjaan Pengurusan (RM' Bilion)	Lebihan di dalam Baki Akaun Semasa (RM' Bilion)	Baki Penutup Akaun Hasil Disatukan (RM' Bilion)
	A	B	A-B	
30 April 2018				0.45
31 Mei 2018 ke 31 Ogos 2018	73.58	(70.33)	3.25	3.70

Hasil untuk tempoh empat bulan dari Mei ke Ogos 2018 telah meningkat sebanyak RM1.70 Bilion dari RM71.88 Bilion ke RM73.58 Bilion apabila dibandingkan dengan tempoh empat bulan dari Januari ke April 2018, sedangkan perbelanjaan pengurusan telah secara jelas susut sebanyak RM12.96 Bilion dari RM83.29 Bilion ke RM70.33 Bilion. Lebihan dalam baki akaun semasa sebanyak RM3.25 Bilion telah membantu Kerajaan Persekutuan mencatatkan baki Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM3.70 Bilion pada 31 Ogos 2018.

Peningkatan sebanyak 7 kali ganda sebanyak RM3.25 Bilion di dalam Akaun Hasil Disatukan dalam hanya 4 bulan, dari RM450 Juta pada 30 April 2018 kepada RM3.70 Bilion pada 31 Ogos adalah bukti jelas kecekapan pengurusan kewangan Kerajaan Pakatan Harapan.

Peningkatan 7 kali ganda di dalam Akaun Hasil Disatukan dari Mei ke Ogos 2018 menjelaskan cara Kerajaan Pakatan Harapan mendapatkan dana yang memadai untuk memastikan pentadbiran Kerajaan Persekutuan secara lancar, termasuk membayar gaji dan pencen bulanan sebanyak RM8 Bilion. Kerajaan Pakatan Harapan mahu buktikan yang sebuah kerajaan bersih bukan sahaja dapat membebaskan

Malaysia dari dikenali sebagai sebuah kleptokrasi global tetapi juga membantu kita dapatkan sumber-sumber kewangan yang baru.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

**Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
20 Oktober 2018**